

**KEMPEN HLB CONNECT TAMBAH NILAI PRABAYAR MUDAH ALIH 2023 [\(English Version\)](#)**

Kemas Kini Terakhir 10 April 2023

**TEMPOH KEMPEN**

“**Kempen HLB Connect Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih 2023**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 10 April 2023 dan berakhir pada 09 Julai 2023 (“Tempoh Kempen”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

**KELAYAKAN**

1. Kempen in terbuka kepada pelanggan bank yang baru dan sedia ada sama ada warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan**”) yang merupakan pengguna HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App (“**HLB Connect**”) dengan akaun semasa atau simpanan HLB/akaun semasa atau simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”).
2. Bank berhad untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
  - (i) pada masa lalu telah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrapan, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

**MEKANIK KEMPEN DAN PEMILIHAN PEMENANG**

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan mesti memenuhi prasyarat berikut:
  - (i) log masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App; dan
  - (ii) berjaya **melakukan Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih** dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) untuk setiap transaksi melalui HLB Connect semasa Tempoh Kempen.

(Pelanggan yang telah memenuhi syarat berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”).

4. Pelanggan yang Layak akan bertanding untuk memenangi Hadiah Utama (“**Hadiah Utama**”) atau Pulangan Tunai (“**Pulangan Tunai**”), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Tarikh Kempen	Pelanggan yang Layak	Segmen Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang
<p><b>Bulan 1</b> 10 April 2023 – 09 Mei 2023</p> <p><b>Bulan 2</b> 10 Mei 2023 - 09 Jun 2023</p> <p><b>Bulan 3</b> 10 Jun 2023 – 09 Julai 2023</p>	<p><b><u>Kategori 1:</u></b> <b>Pengguna Baru kepada Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih</b></p> <p>(hanya berkait kepada pengguna yang tidak melakukan sebarang transaksi tambah nilai prabayar mudah alih melalui HLB Connect antara 10 April 2022 hingga 9 April 2023)</p>	<p><b><u>Hadiah Utama:</u></b> Satu (1) tahun tambah nilai prabayar mudah alih bernilai RM360 melalui PIN tambah nilai</p> <p>(contoh PIN tambah nilai RM30 akan dihantar sama ada melalui SMS, e-mel atau notifikasi melalui aplikasi mudah alih HLB Connect App Push secara bulanan bermula dari 15 Oktober 2023 sehingga 15 September 2024)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Empat puluh (40) Pelanggan yang Layak</b> yang telah berjaya melakukan kiraan transaksi tambah nilai prabayar mudah alih tertinggi (sekurang-kurangnya RM10 setiap transaksi) melalui HLB Connect di penghujung Tempoh Kempen.</li> <li>• Setiap Pelanggan Yang Layak hanya boleh <b>memenangi satu (1) Hadiah Utama</b> sepanjang Tempoh Kempen.</li> </ul>
	<p><b><u>Kategori 2:</u></b> <b>Pengguna Baru &amp; Sedia Ada kepada Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih</b></p>	<p><b><u>Pulangan Tunai:</u></b> RM1 bagi setiap transaksi tambah nilai prabayar mudah alih</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Setiap Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih mestilah sekurang-kurangnya RM10</b> bagi setiap transaksi yang dilakukan melalui HLB Connect.</li> <li>• <b>Terhad kepada 23,000 yang pertama yang membuat bulanan</b> transaksi tambah nilai prabayar mudah alih.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh menang sehingga RM5 maksimum Pulangan Tunai di setiap Bulan Kempen.</li> <li>• Pulangan tunai diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhad kepada peruntukkan yang ditetapkan untuk Kempen ini pada setiap bulan, seperti yang di rekod oleh sistem Bank.</li> </ul>

5. Jumlah peruntukan Hadiah Utama untuk Kempen ini ialah Ringgit Malaysia Empat Belas Ribu Empat Ratus (RM14,400) dan akan diberikan kepada empat puluh (40) Pelanggan yang Layak (“Pemenang Hadiah Utama”) mengikut Kaedah Pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.
6. Peruntukan Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Kempen dari April 2023 hingga Julai 2023 untuk sepanjang Tempoh Kempen ialah Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu (RM23,000) dengan jumlah peruntukan Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Enam Puluh Sembilan Ribu (RM69,000) untuk Kempen ini. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Pulangan Tunai (“Pemenang Pulangan Tunai”) akan diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat mengikut Kaedah Pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.

Sebaik sahaja jumlah peruntukan Pulangan Tunai bulanan telah dicapai, Pulangan Tunai tidak akan diberikan lagi kepada Pelanggan yang Layak untuk hari-hari yang selebihnya dalam Bulan Kempen tersebut. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja had jumlah peruntukan Pulangan Tunai bulanan telah dicapai.

7. Setiap pemenang layak menerima hanya satu (1) Hadiah Utama dan/atau sehingga maksimum Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15) sepanjang Kempen ini.
8. Sekiranya terdapat lebih daripada empat puluh (40) Pelanggan yang Layak yang telah mengumpul kiraan transaksi tertinggi yang sama untuk tambah nilai prabayar mudah alih, Pelanggan yang Layak yang terdahulunya telah mengumpul kiraan transaksi tertinggi akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama sehingga jumlah pemenang telah diperuntukkan telah penuh.
9. Hadiah Utama dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit pendahuluan, cek atau manfaat barangan.

#### **CAMPAIGN FULFILMENT**

10. Senarai Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Pulangan Tunai akan diterbitkan di <http://www.hlb.com.my/reload> (“Laman Web Kempen”). Senarai Pemenang Hadiah Utama akan diterbitkan selewat-lewatnya pada 30 Ogos 2023. Senarai Pemenang Pulangan Tunai Bulan 1 akan diterbitkan pada 30 Mei 2023, senarai Pemenang Pulangan Tunai Bulan 2 akan diterbitkan pada 30 Jun 2023 dan senarai Pemenang Pulangan Tunai Bulan 3 akan diterbitkan selewat-lewatnya pada 30 Julai 2023.
11. Hadiah Utama akan diberi setiap bulan untuk tempoh dua belas (12) bulan, di mana PIN tambah nilai bernilai Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) akan dihantar kepada Pemenang Hadiah Utama selewat-lewatnya pada 15hb setiap bulan bermula dari Oktober 2023 sehingga September 2024. Adalah menjadi kewajipan kepada Pemenang Hadiah Utama untuk menghubungi Bank mengenai ketidakterimaan Hadiah Utama sebelum 29hb setiap bulan, jika gagal, Pemenang Hadiah Utama dianggap telah menerima Hadiah Utama pada bulan tertentu dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik tidak akan diproses. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pemenang Hadiah Utama apabila pemberian Hadiah Utama telah selesai,
12. Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan sama ada melalui SMS, e-mel atau notifikasi melalui aplikasi mudah alih HLB Connect (berdasarkan maklumat pelanggan, nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) selewat-lewatnya pada 15 September 2023. Setelah menerima notifikasi tersebut, Pemenang Hadiah Utama dikehendaki memberi Pembekal Perkhidmatan Telekomunikasi untuk akaun prabayar mudah alih mereka kepada Bank dalam masa yang ditetapkan didalam notifikasi tersebut untuk menerima PIN tambah nilai. Tambahan pula, adalah

penting untuk mengambil perhatian bahawa perubahan atau pengubahsuaian tidak dibenarkan pada akaun prabayar mudah alih selepas penyerahan maklumat.

13. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan sama ada melalui SMS, e-mel atau notifikasi melalui aplikasi mudah alih HLB Connect (berdasarkan maklumat pelanggan, nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) pada setiap penghujun Bulan Kempen. Pulangan Tunai akan diberikan pada setiap bulan di mana Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank sebelum 15hb Bulan Kempen berikutnya (cth. Pemenang Pulangan Tunai Bulan 1 akan menerima sebelum 15 Jun 2023, Bulan 2 Pemenang Pulangan Tunai untuk Bulan 2 akan terima sebelum 15 Julai 2023 dan Pemenang Pulangan Tunai Bulan 3 akan menerima sebelum 15 Ogos 2023). Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank mengenai ketidakterimaan Pulangan Tunai sebelum 30hb Bulan Kempen berikutnya (cth. Pemenang Pulangan Tunai Bulan 1 untuk memaklumkan sebelum 30 Jun 2023, Pemenang Pulangan Tunai Bulan 2 untuk memaklumkan sebelum 30 Julai 2023 dan Pemenang Pulangan Tunai Bulan 3 untuk dimaklumkan sebelum 30 Ogos 2023). Kegagalan dimana Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai, sebarang tuntutan untuk pembayaran balik tidak akan diproses. Oleh itu, Pemenang Pulangan Tunai mesti mengekalkan CASA/CASA-i yang aktif dan sah dengan Bank sehingga 15 September 2023. Jika tidak, Pulangan Tunai akan dianggap telah dilucuthak apabila CASA/CASA-i ditutup sebelum 15 September 2023. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja Pulangan Tunai telah selesai dikreditkan kepada Pemenang Pulangan Tunai.

Sebaik sahaja jumlah yang diperuntukkan secara bulanan telah dicapai, tiada Pulangan Tunai lagi akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak untuk hari-hari yang selebihnya di dalam Bulan Kempen tersebut. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja had yang diperuntukkan secara bulanan telah dicapai.

14. Seperti had yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah Utama atau Pulangan Tunai disebabkan sebarang keadaan di luar jangkaan di luar kawalan munasabah Bank.

#### **AM**

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
- (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung di sini;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pengisian syarat yang dirakam oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan untuk Pemenang Hadiah Utama dan Pulangan Tunai adalah muktamad;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
  - (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel untuk Kempen ini;
  - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberikan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel untuk tujuan Kempen ini, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;

- (vi) membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama, nombor ID dan/atau nombor akaun yang disembunyikan) untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran;
  - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen dan memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
  - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa kawalan dalam keadaan sedemikian:
    - (a) SMS tertangguh, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
    - (b) e-mel ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia perkhidmatan e-mel yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai junk atau spam e-mel oleh penyedia perkhidmatan e-mel Pelanggan yang Layak  
(selepas ini dirujuk kepada sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").Oleh demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan diproses;
  - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan Bank yang berkaitan dengan Kempen ini; dan
  - (x) untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
16. Bank berhak:
- (i) memberikan notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan, atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini di Laman Web Kempen; dan
  - (ii) untuk menarik balik Hadiah Utama dan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi T&S di sini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect, dan semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
17. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di sini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
18. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan diguna pakai.

19. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
20. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.